


SURAT BERITA LAJNAH IMAILLAH SANDAKAN

September 2023



Isi Kandungan



عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: إِنَّ مِنْ أَحَبِّكُمْ إِلَيَّ وَأَقْرَبِكُمْ مِنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَحَاسِنُكُمْ أَخْلَاقًا وَإِنَّ مِنْ أَبْغَضِكُمْ إِلَيَّ وَأَبْعَدِكُمْ مِنِّي يَوْمَ الْقِيَامَةِ الشَّرَّارُونَ وَالْمُتَشَدَّقُونَ وَالْمُتَفَهِّمُونَ ! قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدْ عَلِمْنَا الشَّرَّارُونَ وَالْمُتَشَدَّقُونَ فَمَا الْمُتَفَهِّمُونَ ؟ قَالَ: الْمُتَكَبِّرُونَ -

« ترمذى كتاب البر والصلة باب في معالى الأخلاق »

Sayyidina Jabir rta berkata. Baginda Rasulullah SAW bersabda :

Sesungguhnya mereka yang paling aku cintai dan paling dekat kedudukannya di hari akhirat nanti dengan aku ialah mereka yang menghiasi dirinya dengan budi pekerti yang baik. Dan mereka yang paling ku benci dan jauh kedudukannya dari aku di hari akhirat nanti ialah mereka yang sompong dan bongkak dan al-mutafaihiqun. Sahabt rta mendengar perkataan itu lalu bertanya. Wahai Rasul Allah apakah erti al-mutafaihiqun itu. Baginda Rasul SAW bersabda ertinya al-mutafaihiqun itu ialah orang yang takbur.

Hadith

Khutbah Jumaat

Resepi masakan

Tips kesihatan

Tarbiyyat

Tentang Nasirat

Aktiviti/Program Majlis Sandakan

Khutbah Jumaat

**Imam kita yang tercinta Hazrat Khalifatul Masih Al-Khamis ATBA
bersabda di dalam Khutbah Jumaat bertarikh 15 September 2023:**

Ini adalah undang-undang Ilahi di mana siapa sahaja yang lahir ke dunia ini, pasti akan meninggalkan dunia ini selepas berlalu satu jangka waktu namun bernasib baiklah mereka yang hanya memiliki kenangan yang baik sahaja yang memberikan manfaat kepada manusia, yang sentiasa mendahulukan agama di atas urusan dunia, yang sentiasa berusaha mengamalkan perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya, yang sentiasa berusaha menunaikan hak baiat kepada Hazrat Masih Mau'ud as, yang memiliki ketaatan yang hakiki kepada Khilafat Ahmadiyah, yang berusaha sedaya upaya untuk menunaikan hak sesama hamba, yang sentiasa berusaha meraih keredaan Allah Taala, yang untuknya setiap lidah hanya mengungkapkan kalimah-kalimah pujian, dan demikian itu syurga menjadi wajib ke atasnya.

Pada waktu ini saya akan menyampaikan tentang insan seperti itu, iaitu Amatul Qudoos Sahibah yang merupakan anak kepada Hazrat Doktor Mir Muhammad Ismail Sahib, dan isteri kepada Sahibzada Mirza Waseem Ahmad Sahib. Beliau adalah menantu kepada Hazrat MuslehMau'ud ra. Beliau memang tinggal di Qadian sebelum ini, namun beberapa hari sebelum ini beliau pergi kepada anaknya di Rabwah, di mana beliau telah wafat pada usia 96 tahun. Innalillahiwa inna ilaihirojiun. Dengan kurniaAllah Taala, beliau adalah seorang musiah dengan kadar pengorbanan 1/9.

Pada kesempatan Jalsa Salana 1951, Hazrat Musleh Mau'ud ra telah mengumumkan pernikahan beliau dengan Sahibzada Mirza Waseem Ahmad Sahib. Sewaktu rukhsatna Hazrat Musleh Mau'ud ra hadir bagi pihak perempuan, bukannya bagi pihak anaknya.

Allah Taala telah mengurniakan mereka dengan tiga anak perempuan dan seorang anak lelaki. Seorang anak perempuannya, Amatul Aleem Sahibah pada waktu ini adalah Sadar Lajnah Pakistan, yang merupakan isteri kepada Mansoor Ahmad Khan, Wakil A'la Tahrik Jadid. Anak perempuan yang kedua ialah Amatul Karim Sahibah, isteri kepada Kapten Majid Sahib. Anak perempuan yang ketiga ialah Amatul Rauf Sahiba, isteri kepada Doktor Ibrahim Muneeb Sahib. Anak lelaki beliau ialah Mirza Kaleem Ahmad Sahib yang sekarang ini menetap di Amerika.

Sahibzada Mirza Waseem Ahmad Sahib datang ke Pakistan sewaktu perkahwinan mereka dan waktu itu baru beberapa hari sahaja perkahwinan mereka berlangsung dan beliau sedang mempersiapkan dokumen untuk membawa isterinya ke Qadian. Sebagaimana hubungan India dan Pakistan waktu itu kurang baik, maka situasi pada hari-hari tersebut juga agak tegang, Hazrat Musleh Mau'ud ra berkata kepada beliau bahawa dokumen itu boleh sahaja disiapkan nanti, kamu tinggalkanlah dia dan pulanglah ke Qadian dengan kadar segera kerana di sana memerlukan keberadaan salah seorang keluarga Hazrat Masih Mau'ud as

 Beliau bersabda, tempahlah tiket kapal terbang segera, dan jika tidak ada kapal pun pemergian kamu adalah perlu, sama ada perlu sewa kapal terbang sekalipun. Beliau bersabda, jika kamu tidak memperlihatkan contoh dari diri sendiri dan tidak melakukan pengorbanan, bagaimana orang lain akan melakukan pengorbanan.

Di mana pengorbanan yang dilakukan Sahibzada Mirza Waseem Ahmad, di sana juga adalah pengorbanan Amatul Qudoos Sahibah. Tidak pasti bilakah dokumen itu akan siap, keadaan sangat tegang waktu itu, namun itu adalah perintah Khalifah kerana itu beliau meninggalkan keluarganya dengan senang hati dan mendahuluikan agama berbanding dunia.

 Dokumen Amatul Qudoos Sahibah mengambil masa lebih kurang setahun untuk siap. Ketika beliau hendak berangkat ke Qadian, beliau berkata bahawa Hazrat Musleh Mau'ud ra mengarahkan kepada saya supaya tinggal di rumah Ummi Nasir, di mana tapak kaki Hazrat Masih Mau'ud as banyak bertapak disana dan Huzur as pernah memberi daras di perkarangannya.

Hazrat Musleh Mau'ud ra juga memberikan nasihat kepada beliau bahawa satukanlah lajnah-lajnah dari setiap Jamaat. Setelah sampai di Qadian Amatul Qudoos Sahibah memainkan peranan yang besar dalam menyatukan wanita-wanita Jamaat dan mengambil berat tentang mereka.

 Selepas Hazrat Khalifatul Masih Ar-Rabi sampai di London, di dalam khutbah Jumaat beliau yang pertama, Huzur telah mengumumkan berkenaan seruan pengorbanan untuk mendirikan dua markaz penyebaran Islam di Eropah. Pada waktu itu Amatul Qudoos Sahibah adalah Sadar Lajnah India, dalam kepimpinan beliau, Lajnah India telah diberi taufik untuk paling kehadapan mengambil bahagian dalam pengorbanan tersebut. Beliau sendiri telah mempersesembahkan seluruhan barang kemasnya untuk pengorbanan tersebut.

Pada tahun 1991 ketika Hazrat Khalifatul Masih Ar-Rabi rh datang ke Qadian, pada kesempatan itu beliau rh telah menyebutkan berkenaan pengorbanan harta Lajnah Qadian dengan sangat indah. Beliau rh bersabda bahawa saya tidak dapat katakanberkenaan seluruh Lajnahdi India, namun apa yang dapat saya katakan dengan kurnia Allah Taala Lajnah di Qadianmemperlihatkan contoh yang tiada tandingan dalam pengorbanan harta.



Ketika Hazrat Musleh Mau'ud ra mengirim beliau ke Qadian, beliau juga ada menasihatkan bahawa satukanlah lajnah-lajnah di setiap Jamaat, ketika sampai sahaja di sana pertama sekali beliau menjadi General Secretary Qadian kemudian pada tahun 1955 beliau menjadiSadar Lajnah Muqami dan kemudiandipilih menjadi Sadar Lajnah India.Beliau telah berkhidmat selama 46 tahun.

Amatul Qudoos Sahibah telah melakukan perkhidmatan yang besar pada Al-Quran. Beliau mengajar Al-Quran kepada 250 anak-anak perempuan di Qadian. Anak-anak perempuan di India yang telah menamatkan FA dan lain- lainnya, mereka akan datang tinggal di Qadian selama tiga bulan dan beliauakan mengajar mereka Al-Quran sepanjang mereka di sana. Anak beliau berkata bahawa beliau telah memberikan dorongan yang sangat besar kepada bapa kami. Beliau sangat sederhana orangnya, waktu tengahari beliau hanya makandaal kacang tanah, bapa kami ada menternak seekor kerbau untuk bekalan susu dan dahi (yogurt), jika ada tetamu yang datang beliau akan jamu dengan apa sahaja yang ada di rumah.

Beliau seorang isteri yang sangat baik, beliau sentiasa ada bersama ketika dalam kesusahan. Beliau tidak pernah meminta apa-apa. Apa sahaja yang beliau terima, beliau akan gunakan dengan senang hati. Beliau sangat sukakan kebersihan, dan sangat sopan santun. Di akhir hayat beliau penglihatan beliau telah hilang dan pendengaran beliau juga sangat lemah walaupun ada bantuan alat pendengaran namun beliau menjalani kehidupan dengan penuh senang hati. Apabila ditanya tentang khabar beliau, sentiasa mengucapkan Alhamdulillah. Apabila ada sahaja seruan pengorbanan daripada Khalifah, chanda yang pertama di Qadian adalah dari Mirza Waseem Ahmad Sahib dan isterinya. Anaknya berkata bahawa jika kami ada tersalah membaca Al-Quran dan ibu kami berada di bilik lain sekalipun, dari sana dia akan membetulkan bacaan kami. Seolah-olah beliau menghafal Al-Quran sepenuhnya.



Walaupun beliau dalam keadaan sakit, beliau sentiasa bersama dalam suka dan duka orang lain. Beliau mengajar anak-anak perempuan di Qadian menjahit. Beliau telah mencipta budaya bergaul dengan semua orang di Qadian. Selepas perpecahan India dan Pakistan beliau mendapat taufik untuk memperdengarkan Al-Quran dan Malfuzat kepada Hazrat Amma Jaan di Rattan Bagh Lahore dan kemudian rumah-rumah yang separuh siap di Rabwah. Beliau telah melunaskan Chanda Wasiyat dan Hissa Jaidad beliau semasakehidupannya lagi. Beliau juga termasuk dalam senarai Daftar Awal Tahrik Jadid. Beliau sentiasa menasihatkan anak-anaknya untuk solat pada awal waktu. Beliau banyak memelihara anak-anak perempuan. Beliau memberikan tarbiyat yang terbaik kepada mereka dan kemudian melangsungkan perkahwinan mereka. Ketika zaman Darwesh, semasa keadaan kewangan sangat lemah, apabila ada anak Darwesh yang hendak kahwin, beliau akan memakaikan barang kemasnya kepada mereka dan mereka boleh pakai seberapalama mereka mahu, kemudian apabila ada perkahwinan anak Darwesh yang lain, barang kemas itu akan diberikan kepadanya pula untuk dipakai.

Selepas kewafatan Sahibzada Mirza Waseem Ahmad Sahib, beliau tinggaldi Qadian selama 10 tahun. Kemudian apabila kesihatannya merudum, anak-anak beliau membawanya ke Rabwah untuk mendapatkan rawatan. Walaupun demikian, beliau sentiasa katakan bahawa saya tidak akan tinggal lama di luar dari Qadian tanpa izin daripada Khalifah. Beliau menulis kepada saya, kemudian saya katakan kepadanya tingggallah di sana selama mana yang anda mahu.


Ramai dari kalangan ghair Ahmadi juga yang hadir dalam pengebumian beliau. Orang Qadian sangat mencintai beliau dan beliau juga sangat mencintai orang Qadian. Banyak surat yang diterima dari wanita-wanita Qadian yang menyampaikan tentang beliau dengan penuh kecintaan. Demikian juga anak-anak lelaki yang telah lama tinggal di Qadian juga menulis bahawa beliau telah memelihara kami seperti seorang ibu.

Beliau memiliki hubungan yang sangat ikhlas dengan Khilafat. Sebagaimana beliau memperlihatkan kerendahan hati dan ketaatan sempurna kepada Hazrat Khalifatul Masih As-Sani ra, hubungan itu berlangsung terus dan hubungan yang sama dilakukan dengan saya. Apabila beliau bertemu dengan saya di sini juga, beliau sangat beradab dan memberikan kehormatan. Pada tahun 2005 ketika saya pergi ke Qadian, beliau berusaha memberi perhatian sebaik mungkin. Kemudian di setiap mulaqat, wajah beliau sentiasa bersinar penuh kegembiraan. Pada tahun 2005, walaupun beliau sakit beliau tetap ikut menghantar saya di Delhi ketika saya hendak pulang. Semoga Allah Taala meninggikan darjat beliau dan semoga Allah Taala memberi taufik kepada anak keturunan beliau untuk meneruskan kebaikan-kebaikan beliau. Amin.



Sebagaimana beliau sangat mencintai orang-orang Qadian, semoga Allah Taala memberi taufik kepada mereka semua supaya mereka sentiasa dalam keadaan saling kasih mengasihi seperti itu. Sekarang ini di Qadian tidak ada seorang pun yang memiliki hubungan langsung dengan Hazrat Masih Mau'ud as. Semoga satu hari nanti Allah Taala menciptakan sebuah kesempatan supaya ada seseorang yang datang ke sana. Semoga Allah Taala meninggikan darjat Almarhum.

Kemudian Huzur ATBA mengumumkan jenazah hadir Muhammad Rashid Ahmadi Sahib dari UK, dan jenazah ghaib Ahmad Jamal Sahib, orang Afrika Amerika. Huzur juga mendoakan untuk ketinggian darjatmereka.



Resepi Masakan

dikongsi oleh : Pn. Masnura Apek

KUIH NONA MANIS

9 September 2023

Bahan A

- 2 biji telur**
- * 1 cawan gula halus
- * 2 cawan santan ~ guna KARA, tambah utk jadikan 2 cawan
- * 2 cawan tepung gandum

Satukan bahan bertanda * , kacau rata

Blend telur hingga kembang. Masukkan bahan * dan kisar lagi. Ketepikan

Bahan B

- 1 cawan santan pekat
- 1 cawan air daun pandan ~ ambil 8 helai daun pandan
dan kisar dengan 1 cwn air dan tapis
- 1/2 cawan gula halus
- 1/2 cawan tepung jagung
- Secubit garam

Satukan gula, tepung jagung dan garam. Kemudian masukkan santan yang dicampur dengan air daun pandan. Kacau sampai rata dan tidak berbintil-bintil. Masak dengan api sederhana hingga ia meletup-letup, berkilat dan sedikit pekat.

Angkat dari dapur dan biarkan sehingga suam suam kuku.

Tuangkan adunan A ke dalam adunan B.

Kacau rata sehingga ia menjadi adunan yang pekat dan licin.

Nak senang, blender bagi menjadikan adunan yang sebatu.

Ketepikan dahulu sementara kita sediakan adunan putih

Bahan C

- 1 cawan santan pekat ~ guna 1 kotak santan dicampur sedikit air
dijadikan untuk 1 cawan
- 1 sudu besar tepung gandum
- 1 sudu besar gula pasir
- 1/2 sudu kecil garam halus


Satukan semua bahan C dan kacau rata. Masak atas api sederhana sambil sentiasa di kacau hingga ia pekat. Tunggu suam sedikit dan masukkan dalam piping bag. Sediakan acuan lompong yang kecil, oleskan acuan lompong dengan minyak jagung. Tuangkan adunan hijau dalam acuan lompong hingga 3/4 cawan acuan lompong.

Paipkan adunan putih di tengah-tengah adunan hijau sehingga adunan naik memenuhi acuan cawan lompong. Kukus selama 7 min

ARTIKEL KESIHATAN

Cara Berkesan Untuk Hilangkan Kulit Berminyak


dikongsi oleh : Cik Athiyatul Wahidah Ghafor



- 1) Pilih pembersih muka yang mengandungi benzoyl peroxide, salicylic acid, glycolic cid atau beta-hydroxy acid.
- 2) Jangan lap muka dengan kain, tuala atau span yang keras.
- 3) Elakkan guna air panas untuk mencuci muka
- 4) Amalkan penggunaan clay mask sebulan sekali.
- 5) Hadkan pengambilan makanan yang tinggi lemak, gula dan garam.

◆ TARBIYAT

Bagaimana supaya doa yang kita pohonkan kepada Huzur, terkabul?



Kembali ke zaman Hz Rasulullah SAW, siapa saja yang bermakmum kepada Rasulullah SAW ketika solat

Renungkanlah perbezaan didalamnya. Ini memberitahukan kepada kita bahawa dalam hati orang munafik kosong dari kecintaan kepada imam yang mendoakan, untuk kita itu ia luput dari pergabulan doa yang dipanjatkan oleh imam.

Bagaimana dengan para sahabat, mereka mendapatkan pergabulan doa yang dipanjatkan oleh imam yakni Rasulullah SAW.


Apakah doa bagi seluruh sahabat merata pergabulannya? Huzur bersabda : Semakin besar kecintaan seseorang kepada Rasulullah, semakin banyak juga pergabulan doa imam yang akan diraih.

Huzur bersabda : Jika kalian ingin agar doa-doa Khalifah dikabulkan atasmu, maka semakanlah kecintaan kepada khalifah dalam diri kalian. Seberapa peningkatan kecintaan dalam diri kita kepada khalifah, sebesar itulah pergabulan doa yang akan diterima.

Jika kecintaan kita kepada Khilafat semakin menurun, maka pergabulan doa khalifah untuk kita akan semakin menurun, juga sebaliknya.

TENTANG NASIRAT

Nasiratul Ahmadiyyah Majlis Sandakan



Telah diketahui bahwa Nasiratul Ahmadiyah juga melafalkan janji mereka dan mereka juga harus memenuhi janji mereka itu. Usia 14-15 tahun adalah usia dapat membedakan antara yang baik dan yang buruk. Dan bahkan pada usia akhir Nasiratul Ahmadiyah ini, muncul banyak hasrat dan keinginan. Jika mereka fokus pada hal-hal duniawi, maka mereka akan berusaha memenuhinya melebihi agama mereka. Karena itu, setiap gadis Ahmadi harus sangat sadar akan janjinya dan menaruh tujuan-tujuan luhur daripada mengikuti keinginan duniawi yang rendah



AKTIVITI-AKTIVITI NASIRATUL AHMADIYYAH MAJLIS SANDAKAN




KELAS NAZM



**PERTANDINGAN MEWARNA
SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN**



**PERTANDINGAN ISI
AIR DALAM BOTOL**



Aktiviti/Program Majlis Sandakan

29 September 2023



POST MORTEM JALSAH SALANAH WILAYAH SABAH



JALSAH SALANAH WILAYAH SABAH



MESYUARAT BULANAN AMILA LAJNAH MALAYSIA



IJTIMA LAJNAH IMAILLAH WILAYAH SABAH TIMUR



**PROGRAM PENAIKKAN
BENDERA JALUR GEMILANG**



**PROGRAM IJLAS LAJNAH
IMAILLAH SANDAKAN**



**PERJUMPAAN UMUM/TARBIYAT
BULANAN**



**MENONTON KHUTBAH HUZUR
SECARA LANGSUNG**



KELAS MEMASAK (TAKOYAKI)